

KPT sedang kenal pasti penuntut IPT dijadikan keldai akaun

Oleh **Baharom Bakar** - Ogos 22, 2024 @ 2:32pm
bhnews@bh.com.my



Mustapha (tiga kanan) melancarkan penerbitan buku Memugar Ikhtiar Ke Arah Kebitaraan Mahasiswa di UMT, hari ini. -

Foto BAHAROM BAKAR

KUALA NERUS: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang mengenal pasti penuntut di institut pengajian tinggi (IPT) tempatan yang dijadikan keldai akaun.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud, berkata penuntut yang dikenal pasti terbabit dengan keldai akaun akan diserahkan kepada polis untuk siasatan lanjut.

Katanya, tindakan mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 akan diambil jika ada penuntut terbabit dengan keldai akaun.

"KPT akan bekerjasama dengan semua IPT dan universiti awam (UA) untuk mengadakan program kesedaran kepada semua penuntut supaya tidak terbabit dengan aktiviti keldai akaun."

"Kerajaan memandang serius isu penuntut di IPT dan UA yang terbabit dengan aktiviti keldai akaun seperti didedahkan Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain Khamis lalu," katanya selepas merasmikan Persidangan ESG Global Young Leaders Summit 2024 di Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), hari ini.

Yang turut hadir pada majlis itu adalah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMT, Prof Dr Marinah Mohd Ariffin dan Pengerusi Lembaga Pengarah UMT, Prof Dr Mohamad Salmi Mohd Sohod.

Khamis lalu, Razarudin dilaporkan berkata, PDRM tidak menolak kemungkinan pembabitan penuntut IPT sebagai pemilik keldai akaun disebabkan menjadi mangsa penipuan sehingga akaun bank mereka digunakan sindiket jenayah scam.

Mengulas lanjut, Mustapha berkata, sindiket itu akan menggunakan pelbagai cara dan kaedah untuk mengambil kesempatan menjadikan penuntut IPT swasta dan awam sebagai keldai akaun mengaut keuntungan.

Sebelum ini, katanya, ada antara mereka dijadikan keldai dadah, tetapi KPT dengan kerjasama PDRM berjaya membanteras kegiatan itu.

"Kita minta semua penuntut IPT awam dan swasta apabila menerima mesej atau pesanan melalui WhatsApp membuat semakan latar belakang pengirim bagi mengelak terjebak dengan isu keldai akaun.

"Kita sudah mengarahkan semua pengurusan IPT mengeluarkan pekeliling dan peringatan kepada penuntut agar tidak terbabit dengan aktiviti keldai akaun," katanya.